

26/08/1999

Perdana Menteri lawat Pahang

KUANTAN, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mengadakan lawatan kerja rasmi dua hari ke negeri ini mulai 6 September depan, kata Menteri Besar, Datuk Adnan Yaakob.

Isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, turut serta dalam lawatan itu.

Adnan berkata, lawatan Dr Mahathir di Pahang akan menyemarakkan lagi semangat perjuangan ahli Umno di negeri ini yang selama ini berkobar-kobar.

Beliau berkata, pada hari pertama lawatan, Perdana Menteri akan berjumpa dengan ahli Badan Perhubungan Umno negeri, pemimpin Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno negeri di Hyatt Regency pada sebelah pagi.

Selepas itu, Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan pegawai dan kakitangan awam, termasuk guru dan tokoh agama di Stadium Tertutup di Kompleks Sukpa.

"Pada sebelah petang, Perdana Menteri akan berjumpa ahli parti komponen Barisan Nasional negeri di Dewan Konvensyen di sini sebelum menghadiri satu majlis makan malam anjuran Umno Pahang di Hyatt," katanya selepas mesyuarat exco kerajaan negeri di sini, hari ini.

"Saya menganggarkan 30,000 orang akan hadir pada majlis berkenaan," katanya.

(END)